

## Pelestarian Permainan Muzik Kertuk dalam Kalangan Penduduk di Negeri Kelantan

Preservation of Kertuk as a Musical Ensemble Among the Locals in Kelantan

NUR HAZIRAH & ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA

### ABSTRAK

*Muzik merupakan salah satu hiburan yang lahir daripada kearifan tempatan masyarakat setempat. Negeri Kelantan mempunyai beberapa permainan alat muzik yang sinonim dengan masyarakat Pantai Timur Semenanjung. Satu daripadanya ialah kertuk. Kajian ini dijalankan bagi membincangkan pelestarian muzik kertuk dalam kalangan penduduk di negeri Kelantan. Muzik kertuk merupakan satu warisan seni budaya tempatan yang jarang diketahui oleh generasi muda terutamanya di Kelantan. Justeru itu, bagi melihat pelestarian instrumen ini di Kelantan baik daripada segi pembuatan mahupun budaya permainan kertuk dalam kalangan masyarakat Kelantan, kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah gabungan yang melihat kepada kajian kepustakaan, temu bual dan survei umum menggunakan media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa muzik kertuk masih diketahui oleh masyarakat di Kelantan tetapi ramai yang tidak pernah melihatnya dalam hidup mereka. Maklumat muzik kertuk yang mereka ketahui adalah daripada sumber buku atau daripada generasi terdahulu dan hanya segelintir sahaja yang pernah mendengar secara langsung. Dapatan kajian ini menguatkan langkah pelestarian yang diperlukan untuk melestarikan warisan muzik kertuk Kelantan dan golongan masyarakat perlulah lebih cakna dan prihatin dalam menyokong usaha penggiat-penggiat seni yang ada di negeri berkenaan.*

*Kata kunci:* Pelestarian; kertuk; Kelantan

### ABSTRACT

*Music is one of the forms of entertainment originates from the wisdom of the local community. The state of Kelantan has several musical ensembles that are synonymous with the community of the East Coast. One of them is known as 'kertuk'. This study is conducted to determine for the preservation of kertuk music as more and more young people no longer recognize it as a source of entertainment. The extinction of this heritage is seen as detrimental to the East Coast community. This research employed mixed method approach where literature research and interviews worked as the main data collection supported by general online survey through the social media. The research findings showed that kertuk music is still known by the younger generation, but most have never watched the performance before. Most respondents reveal that they found out about kertuk through readings besides heard the stories of this musical performances from their grandparents or the elderly. The findings of this research are hoped could increase the awareness and strengthening the effort to preserve Kertuk as part of the Kelantan cultural heritage.*

*Keywords:* Preservation; kertuk; Kelantan

### PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara multietnik yang terdiri daripada 14 buah negeri dan kaya dengan keindahan budaya, adat istiadat, kesenian, muzik, dan sebagainya. Kelantan Darul Naim, merupakan salah sebuah negeri daripada Persekutuan Malaysia yang mempunyai keunikan dan kekayaan budayanya yang tersendiri. Hal ini menyebabkan negeri berkenaan dikenali sebagai "cultural pot of Malay culture"

(Ab Aziz & Olalere 2013). Perkara ini dibuktikan melalui kepelbagaiannya penyelidikan yang dibuat di negeri Che Siti Wan Kembang ini. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Ab Aziz dan Olalere (2011) yang menjalankan penyelidikan mengenai seni persembahan tradisional Kelantan seperti dikir barat, mak yong, menora, dan sebagainya. Di samping itu, kajian dalam bidang seni ukir juga dibuat oleh beberapa orang pengkaji seperti Zawiyah (2010) yang menjalankan kajian mengenai Artifak

Ukiran Kayu Tradisional Melayu dalam Koleksi Persendirian Nik Rashiddin yang membuktikan kehalusan seni ukiran kayu dan kearifan masyarakat di Kelantan.

Negeri Kelantan mempunyai 10 buah jajahan secara keseluruhannya. Kegunaan tanah terbanyak dalam negeri berkenaan adalah dalam bidang pertanian Abdul Razak (2002). Sistem ekonomi ini juga telah menyumbang kepada kepelbagai budaya yang diwarisi dalam kalangan masyarakat setempat. Antaranya ialah alunan muzik yang mempunyai keunikan tersendiri. Menurut Mohd Taib (1984) dalam Muzik Malaysia Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik yang ditulis oleh Patricia dan Tan (2012), muzik boleh terbahagi kepada dua kategori utama iaitu muzik moden dan muzik tradisional. Muzik moden merujuk kepada muzik barat dengan mengutamakan alat-alat muzik barat seperti piano, violin, gitar, dan lain-lain. Muzik tradisional ialah muzik yang wujud selama beberapa keturunan dengan mengutamakan alat-alat muzik dan ciri-ciri muzik yang berasal dari kawasan Asia Tenggara.

Umum mengetahui bahawa masyarakat pada hari ini kurang berminat dengan muzik tradisional. Hal ini juga dinyatakan oleh salah seorang penggiat seni yang aktif dalam permainan kertuk, iaitu Encik Mohd Asri (2018) yang merasa sedikit terkilan kerana golongan muda tidak lagi berminat untuk mempelajari teknik permainan kertuk kerana tidak memberikan pulangan yang lumayan kepada mereka. Perkara ini menyebabkan pengetahuan mereka mengenai muzik tradisional adalah kurang. Mereka juga dilihat seperti tidak mengetahui cara pembuatan dan teknik permainannya. Artikel ini akan menyelidik mengenai pelestarian alat muzik tradisional yang terkenal di negeri Kelantan iaitu Kertuk. Menurut Hamidah (1982) dalam Nik Mohamed (2001), kertuk merupakan alat muzik yang dimainkan selepas musim menuai padi di tepi bendang padi. Penyelidik akan memperkenalkan alat muzik tradisi ini dan langkah pelestarian yang diambil oleh beberapa orang penggiat seni di negeri Kelantan. Seterusnya, fungsi alat muzik tradisional ini juga akan dihuraikan menerusi kajian ini.

Menurut Encik Mohd Noor (2018), kronologi kewujudan kertuk dikatakan bermula apabila masyarakat Melayu pada zaman dahulu mendengar bunyi patukan daripada burung belatuk yang sedang mematuk batang kayu berongga. Bunyi yang dihasilkan kemudiannya memberikan ilham kepada

masyarakat pada zaman dahulu untuk menghasilkan sebuah alat yang kini dikenali sebagai kerantung (sejenis alat yang diperbuat daripada buluh / kayu nangka). Kemudiannya, masyarakat ini memutuskan untuk menggunakan alat berkenaan di kawasan pertanian dan penterakan dengan tujuan untuk menghalau burung di sawah dan memanggil haiwan ternakan pulang. Oleh itu, reka bentuk dan fungsi instrumen ini diubah suai mengikut kesesuaian tempat ia digunakan. Sebagai contoh, instrumen ini mula dimainkan di kawasan sawah padi dan padang ternakan haiwan. Pernyataan ini juga disampaikan oleh En Mohd Noor (2018) yang mengatakan bahawa seni persembahan warisan Kelantan, seperti Rebana Ubi dan Kertuk dahulunya sering dimainkan ketika musim menuai padi bagi menghalau burung yang mencuri hasil tanaman. Namun kemudiannya alat ini menjadi salah satu hiburan dalam pesta-pesta keraian di negeri berkenaan sehingga ke hari ini. Pada peringkat awal, kertuk hanya dihasilkan dengan cara membuat lubang di tanah dan buluh yang telah dibelah dua diletakkan di bahagian atasnya. Lubang yang dihasilkan tadi berfungsi sebagai resonator atau pembesar suara bagi menghalau burung di sawah dan mengembala ternakan. Perkara ini juga disokong oleh Patricia dan Tan (2004) yang mengatakan bahawa ensembe kertuk kelapa lazimnya dapat didengari selepas musim menuai padi apabila golongan petani di kawasan sekitarnya mempunyai masa terluang untuk menyertai persembahan kertuk bersama rebana ubi. Seiring dengan perubahan masa, reka bentuk kertuk telah berubah dan berevolusi mengikut kreativiti masyarakat setempat yang ingin instrumen ini menjadi mudah alih. Fungsinya juga semakin bertambah sejajar dengan fizikal kertuk yang mudah alih. Hasilnya, wujudlah kertuk yang pada hari ini dapat dilihat sebagai salah satu alat muzik tradisional di negeri Kelantan.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah gabungan antara kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif dikutip melalui kajian lapangan dan pemerhatian di sekitar negeri Kelantan. Seterusnya, penyelidik ke lapangan dan menemui dua orang pakar penghasil dan pemain kertuk di negeri berkenaan bagi menjalankan temu bual. Responden pertama dikenali sebagai Encik Mohd Asri bin Yasud yang berumur 55 tahun. Responden kedua pula dikenali sebagai Encik Mohamad Noor bin Zakaria dari


Bukit Marak Kelantan yang kini telah berusia 77 tahun selain menjalankan pengumpulan maklumat melalui beberapa sumber seperti kepustakaan, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya yang berkait dengan alat muzik tradisional.

Bagi kaedah kuantitatif pula, penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dalam menjalankan kajian ini. Dalam hal ini, sejumlah responden menjawab borang yang telah disediakan menggunakan perisian komputer iaitu *Google Forms*. Proses pengumpulan data daripada responden diambil secara atas talian bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai daerah di negeri berkenaan. Seramai 57 orang responden yang terdiri daripada 29 orang perempuan dan 28 orang lelaki daripada empat kategori umur, iaitu 15-20 tahun, 21- 44 tahun, 45-59 tahun dan 60 tahun ke atas telah menjawab borang soal selidik ini. Namun begitu, soal selidik yang dijalankan gagal mencapai bilangan responden yang ramai daripada kesemua 10 jajahan di Kelantan. Penyelidik hanya memperoleh responden daripada 8 buah jajahan sahaja, iaitu Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kuala Krai Machang, Tanah Merah dan Tumpat. Data responden dari kawasan Jeli dan Gua Musang tidak dapat diperoleh oleh pengkaji. Hal ini berkemungkinan berlaku kerana sebaran borang soal selidik ini tidak diketahui oleh golongan masyarakat di sana berikutan daripada masalah jalur lebar yang hanya ada di sebahagian tempat sahaja. Sebarang maklum balas daripada responden akan dikumpulkan dan didokumenkan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Data kuantitatif yang diperoleh pula kemudiannya dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk graf bagi memudahkan pembaca untuk memahami hasil penyelidikan ini.

## HASIL KAJIAN

### CARA PENGHASILAN KERTUK

Berdasarkan kajian pustakaan adalah di fahami bahawa kertuk dibuat dengan menggunakan kayu yang berkualiti seperti cengal, merbau, medang, kayu getah dan sebagainya. Bagi menerangkan mengenai cara pembuatan kertuk tradisional, bahagian-bahagian utama pada instrumen ini juga perlulah diketahui terlebih dahulu. Ensemel kertuk terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu belira/daun, ibu kertuk, pelapik/lekar dan pemalu/mmalu.



GAMBAR 1. Komponen Kertuk Kelapa

Bagi menghasilkan kertuk yang berkualiti, pemilihan kayu yang sesuai perlulah dilakukan terlebih dahulu. Menurut Encik Mohd Noor melalui temubual yang dijalankan, beliau menghasilkan kertuk dengan menggunakan kayu medang sebagai pelapik kertuk. Gergaji juga digunakan bagi melakukan proses pemotongan pelapik kertuk tersebut. Beliau dilihat masih menggunakan sistem pengukuran tradisional iaitu menggunakan tali dan anggaran menggunakan anggota badan seperti ruas jari tangan dan kaki bagi menghasilkan alat muzik ini. Menurut beliau, pelapik kertuk biasanya berukuran  $1 \frac{1}{2}$  kaki (46 cm). Tambah beliau lagi, pemilihan bahan dalam penghasilan kertuk adalah bergantung kepada penghasilnya sendiri. Pelapik dan ibu kertuk juga boleh dihasilkan dengan kayu pokok nangka, dokong, dan sebagainya. Hal ini kerana masyarakat Melayu pada zaman dahulu menghasilkan sesuatu menggunakan bahan yang mudah diperoleh daripada kawasan persekitaran mereka. Menurut Nik Mustapha (2009) antara kertuk yang diakui terbaik, adalah ‘resonator’nya (pembesar suara) diperbuat daripada simen konkrit ataupun ‘tanah liat’ dan mempunyai ruang udara yang luas serta dalam. Badannya pula diperbuat daripada kayu ‘Medang’, manakala beliranya daripada kayu nangka.

Ibu kertuk pula dihasilkan menggunakan sebiji kelapa tua yang dipotong pada bahagian atasnya. Kelapa tua ini kemudiannya dikeringkan di bawah cahaya matahari untuk memudahkan proses pembuangan isi kelapa berkenaan. Kenyaringan bunyi kertuk pula dipengaruhi oleh saiz kelapa yang telah dipilih sebelumnya. Kelapa yang besar menghasilkan bunyi yang lebih kuat berbanding kelapa yang bersaiz kecil. Kemudian, diameter lubang pada bahagian ibu kertuk perlulah serupa

dengan kelapa yang telah dipotong tadi bagi memastikan bunyi kertuk yang terhasil nyaring dan selaras dengan ensemble kertuk lainnya. Seterusnya, proses percantuman bahagian ibu kertuk dan lekar dilakukan dengan menggunakan kaedah pemakuan.

Setelah itu, proses penghasilan belira pula dilakukan. Menurut Encik Mohamad Noor kayu cengal merupakan antara bahan terbaik yang sesuai untuk dijadikan belira. Perkara ini juga disokong oleh Encik Mohd Asri. Hal ini kerana kayu cengal mempunyai daya tahan yang tinggi apabila dipalu oleh pemain kertuk. Di samping itu, kayu cengal juga dikatakan mampu menghasilkan bunyi yang berkualiti. Bagi menghasilkan bahagian belira, kayu cengal akan dipotong menggunakan gergaji dengan ukuran 2 kaki (61 cm). Setelah proses pemotongan kayu selesai. Belira tersebut kemudiannya dilicinkan dengan menggunakan ketam kayu. Ketebalan belira pula biasanya melebihi 1 inci (2.6 cm ke atas).

Proses terakhir pula merupakan penghasilan pemalu/mmalu. Nama mmalu ialah nama yang dipanggil dalam dialek tempatan di Kelantan. Bahan kayu pada bahagian pemalu kertuk juga dihasilkan mengikut bahan yang terdapat di sekitar kawasan tempat tinggal penghasil kertuk. Encik Mohd Noor menggunakan kayu dokong sepanjang 1 kaki (30.48 cm). Hal ini kerana kawasan rumah beliau dikelilingi pokok dokong. Bahagian hujung pemalu pula dibalut dengan menggunakan getah skrap bagi melindungi bahagian belira yang akan dipalu kemudiannya.

Kertuk biasanya dimainkan secara berkumpulan iaitu antara 6 hingga 12 orang. Cara permainan alat muzik ini adalah menggunakan pemalu yang dibalut dengan benang bulu yang kemudiannya digunakan bagi memukul kertuk kelapa bagi menghasilkan bunyi yang nyaring dan menarik (Lee 2007). Antara irama yang biasa dimainkan apabila persembahan kertuk ialah hulubalang, tukar dalam, hala, dan chap 31.

#### FUNGSI KERTUK

Menurut Encik Mohd Noor, kegunaan awal kertuk adalah untuk menghalau burung di kawasan sawah padi dan mengembala haiwan ternakan. Perkara ini juga disokong oleh Encik Mohd Asri yang menambah bahawa kertuk dihasilkan daripada kreativiti masyarakat terdahulu untuk membantu mereka dalam menjalankan aktiviti pertanian. Oleh itu, mereka akan memalu kertuk apabila tibanya

musim menuai. Aktiviti ini kemudiannya menjadi salah satu elemen hiburan bagi masyarakat petani di negeri Kelantan pada ketika itu. Bukan itu sahaja, kertuk juga menjadi salah satu simbol kesyukuran setelah menerima hasil tuaian yang baik (Ab Aziz 2013).

Menurut Mohd Rakbi dalam Omar Farouk (1989) pula, masyarakat Melayu di kampung biasanya akan memukul geduk atau kertok yang kebanyakannya terdapat di madrasah atau surau untuk memberitahu tentang sesuatu kematian. Perkara ini juga dinyatakan oleh Nor Azlinda (2012), fungsi kertuk dan beduk mempunyai peranan yang sama tetapi memiliki saiz dan menghasilkan bunyi yang berbeza. Perkara ini menyatakan bahawa kertuk juga berfungsi bagi menyeru umat Islam di kawasan sekitar tempat beribadah untuk menunaikan solat. Hal ini membuktikan bahawa alat muzik juga pernah digunakan oleh masyarakat terdahulu sebagai salah satu medium komunikasi bagi mengumpulkan masyarakat di sesuatu kawasan atau tempat. Pada hari ini, kertuk masih lagi dimainkan bagi menyambut kedatangan tetamu kehormat di mana-mana majlis keraian. Di samping itu, kertuk juga dipersembahkan di Gelanggang Seni, Kota Bharu bagi menarik perhatian pelancong dan memperkenalkan alat muzik tradisi ini kepada mereka. Kertuk juga dihasilkan dan dijual kepada pengumpul barang warisan. Secara tidak langsung, perkara ini juga telah menyumbang kepada sumber pendapatan bagi golongan penggiat seni di negeri Kelantan.

Sungguhpun begitu, terdapat sebahagian kecil daripada golongan masyarakat yang tinggal di negeri Kelantan pada hari ini dilihat tidak pernah mendengar alunan alat muzik ini di negeri berkenaan. Hal ini dibuktikan dengan soal selidik yang telah dijalankan oleh pengkaji.



RAJAH 1. Bilangan responden yang pernah dan tidak pernah mendengar alunan muzik Kertuk

Rajah 1 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada responden iaitu sebanyak 60% pernah mendengarkan alunan alat muzik kertuk, manakala selebihnya iaitu 40% responden tidak pernah mendengar bunyi paluan kertuk. Perkara ini menunjukkan bahawa tradisi permainan kertuk di negeri Kelantan dilihat semakin kurang dikenali.

Jajahan Bachok mencatatkan bilangan responden yang paling ramai. Oleh itu, peratusan individu yang pernah mendengar alunan irama kertuk mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 41%. Menurut orang sumber iaitu Encik Mohd Asri penggiat seni yang masih aktif dalam tradisi permainan kertuk di Jajahan Kota Bharu dan Bachok hanyalah beliau dan Encik Mohd Noor sahaja. Beliau aktif bermain kertuk di sekitar kawasan Melor iaitu di Jajahan Kota Bharu manakala sahabatnya iaitu Encik Mohd Noor pula aktif bermain alat muzik tradisi ini di kawasan kediamannya iaitu Bukit Marak dan Gelanggang Seni yang meliputi dua buah kawasan jajahan iaitu Bachok dan Kota Bharu. Usaha yang dilakukan ini menyebabkan sebahagian besar daripada responden pernah mendengar alunan muzik kertuk. Golongan responden dari Jajahan Bachok yang tidak pernah mendengarnya pula hanya mencatatkan bilangan peratusan sebanyak 19% sahaja. Golongan ini pula berkemungkinan tidak berpeluang untuk mendengar irama alat muzik ini kerana kawasan tempat tinggal mereka agak jauh daripada lokasi kediaman dua orang penggiat seni yang telah dinyatakan sebelumnya. Golongan responden yang pernah mendengar alunan muzik kertuk dari Jajahan Bachok pula ialah sebanyak 20%. Perkara ini menunjukkan bahawa kadar bilangan responden yang biasa mendengar irama kertuk di Jajahan Bachok adalah agak tinggi.

Responden yang mencatatkan bilangan kedua tertinggi pula ialah dari Jajahan Kota Bharu iaitu sebanyak 28%. Dalam hal ini, kadar responden yang tidak pernah mendengar bunyi kertuk ialah 12%. Golongan ini berkemungkinan tidak pernah mendengar irama kertuk kerana masyarakat pada hari ini tidak banyak untuk meluangkan masa bagi mendengarkan muzik-muzik tradisional berbanding muzik dari luar negara. Perkara ini juga sempat dinyatakan dalam artikel yang ditulis oleh Nurul Anuar Kari (2017). Menurut beliau, anak muda kita lebih suka menerap pelbagai nilai budaya luar dan memandang enteng nilai bangsa dan negara sendiri memandangkan apa yang sampai ke telinga dan mata mereka hanya mengagungkan dunia luar. Kemudian, golongan responden yang pernah

mendengar alunan muzik kertuk di sekitar kawasan Jajahan Kota Bharu pula ialah sebanyak 16%. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang pernah mendengar alunan irama muzik ini di kawasan jajahan berkenaan mencatatkan jumlah yang lebih tinggi. Hal ini kerana pihak Gelanggang Seni akan melakukan aktiviti persembahan pelbagai warisan budaya di negeri Kelantan untuk dipertontonkan kepada pengunjungnya pada setiap minggu. Persembahan kertuk dan rebana ubi pula biasanya diadakan pada hari Rabu di lokasi berkenaan.

Seterusnya, responden yang datang daripada Jajahan Machang pula mencatatkan bilangan sebanyak 10% secara keseluruhan. Responden yang tidak pernah mendengar irama muzik kertuk ialah sebanyak 2%, manakala golongan yang pernah mendengar muzik ini pula mencatatkan bilangan sebanyak 9%. Bilangan responden yang pernah mendengar bunyi kertuk mencatatkan jumlah yang lebih tinggi. Hal ini kerana persembahan kertuk di Jajahan Machang masih lagi aktif dimainkan oleh beberapa kampung di sekitar jajahan berkenaan. Di samping itu, terdapat juga kawasan perkampungan lain di sekitar jajahan berkenaan masih lagi aktif dalam tradisi permainan kertuk. Situasi ini menunjukkan bahawa usaha masyarakat setempat dalam mengekalkan tradisi permainan kertuk masih lagi dilakukan di sekitar Jajahan machang.

Di Jajahan Pasir Mas, bilangan keseluruhan responden dari Jajahan Pasir Mas pula direkodkan sebanyak 9%. 2% daripadanya tidak pernah mendengar alunan muzik kertuk manakala 7% lagi pernah mendengar alat muzik ini. Bilangan responden yang pernah mendengar muzik kertuk mencatat bilangan yang lebih tinggi kerana terdapat beberapa individu yang masih aktif dalam melakukan persembahan kertuk di kawasan jajahan berkenaan. Hal ini dibuktikan melalui artikel yang ditulis oleh Aimi Huwaina dan Farhan Abdullah (2017) yang menyatakan bahawa permainan kesenian tradisi Melayu yang popular di Kelantan, kertuk kelapa masih lagi diguna pakai sehingga hari ini untuk majlis-majlis keramaian dan perkahwinan. Tambahan pula, wujudnya Persatuan Kertuk Kelapa Pasir Mas daripada kawasan jajahan ini menunjukkan bahawa tradisi permainan kertuk masih lagi aktif dimainkan.

Di Jajahan Pasir Putih pula, responden dari Jajahan Pasir Puteh pula adalah sebanyak 5% sahaja secara keseluruhan. 3% daripadanya tidak pernah mendengar alunan muzik kertuk, manakala 2%

lagi pernah mendengar irama muzik berkenaan. Sebahagian besar daripada responden tidak pernah mendengar irama muzik ini berkemungkinan kerana tiadanya kumpulan yang masih lagi aktif dalam seni persembahan kertuk.


Bilangan responden dari kawasan Jajahan Kuala Krai pula sebanyak 3%. Kesemua responden didapati pernah mendengar irama muzik kertuk di majlis-majlis keraian dan di Gelanggang Seni Kota Bharu.

Responden yang datang dari Jajahan Tumpat dan Tanah Merah pula mencatatkan bilangan 4% setiap dari satu jajahannya pula terdiri daripada 2% responden. Kesemua responden didapati pernah mendengar irama muzik kertuk di kawasan sawah padi dan majlis keraian. Responden ini didapati pernah mendengarkan alunan alat muzik kertuk berkemungkinan kerana tradisi permainan instrumen ini masih lagi dikenalkan. Hal ini dibuktikan dengan keratan akhbar yang ditulis oleh Rosalwani Che Soh (2019). Menurut beliau, permainan kertuk di Kawasan Rukun Tertangga Kampung Padang Lalang, Tanah Merah mula mendapat sambutan dan menjadi aktiviti sampingan yang dilakukan oleh anak muda di kawasan berkenaan. Walaupun begitu, penyelidikan mengenai instrumen ini di Jajahan Tumpat masih kurang dan sukar diperoleh dalam membantu penyelidikan ini. Namun, penyelidik berpendapat bahawa tradisi permainan kertuk masih wujud di kawasan berkenaan. Hal ini dibuktikan apabila terdapat responden yang pernah mendengar alunan instrumen kertuk di lokasi berkenaan.

Dalam survei penyelidikan yang dijalankan, penyelidik tidak berjaya mendapatkan wakil responden daripada dua lagi kawasan jajahan iaitu Jeli dan Gua Musang. Hal ini kerana masyarakat dilihat kurang berminat untuk menjadi sebahagian daripada responden dalam penyelidikan ini. Penyelidik juga telah melakukan beberapa percubaan lain selepas survei yang pertama untuk mendapatkan sejumlah responden daripada kawasan jajahan ini. Namun begitu, hasilnya masih mengecewakan. Kegagalan ini adalah berpunca daripada kurang kerjasama responden yang dapat diberikan dalam menjawab borang soal selidik.

Permainan kertuk biasanya dapat dilihat apabila adanya aktiviti atau majlis tertentu sahaja. Oleh itu, dalam menghasilkan borang soal selidik, pengkaji telah menyenaraikan beberapa lokasi utama permainan kertuk dilakukan. Proses penyenaraian ini pula dilakukan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh ahli akademik sebelumnya berkaitan

dengan alat muzik genderang di Kelantan amnya, dan kertuk khususnya. Oleh itu, berikut merupakan carta di mana lokasi alat muzik ini boleh didengari. Maklum balas responden juga dipaparkan menerusi carta di bawah.




RAJAH 2. Lokasi Alunan Muzik Kertuk

Rajah 2 menunjukkan bahawa golongan yang tidak pernah mendengar alunan alat muzik kertuk mencatatkan jumlah 44%. Berlakunya peningkatan sebanyak 4% berbanding carta sebelumnya. Perkara ini mungkin berlaku kerana 4% lagi tidak pernah mendengarkan alunan alat muzik kertuk di mana-mana lokasi yang telah dinyatakan di atas. Seterusnya, golongan yang sering mendengar bunyi kertuk di Gelanggang Seni dan majlis keraian mencatatkan jumlah yang sama, iaitu 18%. Hal ini menunjukkan bahawa persembahan kertuk lebih kerap dilakukan pada majlis keraian dan di Gelanggang Seni. Ini adalah kerana kawasan berkenaan biasanya akan menonjolkan budaya warisan negeri Kelantan dalam satu kawasan. Seterusnya, responden juga berpendapat bahawa lokasi kediaman pemain kertuk juga menjadi salah satu kawasan yang sering mengalunkan paluan kertuk dengan kadar peratusan sebanyak 10%. Satu jumlah yang kecil kerana kurangnya tenaga pakar

yang masih meneruskan tradisi permainan ini kerana kurangnya sumber rezeki yang boleh diperoleh melalui kertuk. Kemudian, kawasan sawah padi / penternakan haiwan serta kawasan masjid juga mencatatkan jumlah yang sama, iaitu 5% sahaja. Hal ini berlaku kerana kemajuan teknologi yang diterima masuk pada hari ini. Masyarakat tidak lagi menggunakan kertuk untuk menghalau burung di sawah. Sebaliknya, mereka hanya menggunakan orang-orang yang diletakkan di bahagian batas sawah dengan tujuan yang sama, iaitu menghalau burung. Begitu juga dengan kegunaan kertuk di masjid. Masyarakat pada hari ini telah menggunakan teknologi pembesar suara bagi melaungkan azan. Hal ini kerana laungan azan dapat didengari dengan lebih jauh dan kuat. Perkara ini juga dinyatakan oleh Encik Mohd Noor (2018). Menurut beliau, kertuk tidak lagi digunakan di mana-mana masjid mahupun surau kerana penggunaan beduk dan pembesar suara mampu menghasilkan bunyi yang lebih nyaring berbanding kertuk.

Oleh kerana ramai antara masyarakat di luar sana yang tidak mengenali kertuk, dan alunan muziknya juga jarang didengar, sebahagian besar daripada mereka tidak pernah bermain alat muzik ini. Perkara ini juga menyebabkan tradisi seni persembahan kertuk kayu dan kertuk kelapa khususnya tidak dapat diwarisi kepada golongan anak muda pada hari ini. Kesannya, mereka sendiri tidak berpeluang untuk melihat kertuk dan mempelajari cara permainannya. Hal ini dibuktikan dengan carta berikutnya.



RAJAH 3. Pengalaman Responden Dalam Permainan Kertuk

Rajah 3 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada responden iaitu 88% tidak pernah bermain alat muzik ini manakala 12% lagi pernah memainkannya. Perkara ini berlaku kerana generasi muda pada hari ini tidak mempunyai minat dalam bermain alat muzik kertuk. Hal ini juga diakui oleh Encik Mohd Asri (2018) yang menyatakan bahawa mencari pelapis untuk meneruskan tradisi permainan

ini adalah sukar kerana ia tidak memberikan apa-apa pulangan yang menguntungkan kepada mereka.

Golongan responden yang pernah memainkan alat muzik ini datang dari beberapa kawasan jajahan. Antaranya ialah Jajahan Bachok 6%, Jajahan Kota Bharu 2%, Jajahan Kuala Krai 2%, dan Jajahan Tanah Merah 2%.

Beberapa langkah pelestarian warisan yang boleh diambil sebelum muzik tradisional ini semakin hilang daripada hidup masyarakat tempatan di Kelantan ialah dengan kerjasama strategik antara jabatan pelancongan dan jabatan pendidikan negeri Kelantan, membuat bengkel pembuatan kertuk dalam kalangan generasi muda dan pengiktirafan kepada pembuat kraf kertuk di peringkat negeri. Kerjasama strategik ini penting dalam memastikan seni dan budaya kertuk serta alat muzik tradisional tempatan yang lain dapat diperkenalkan dan diketengahkan di peringkat awal kepada anak-anak tempatan di Kelantan.

Penyuburan seni dan budaya tradisional rakyat di peringkat awal akan menjadikan permintaan kepada alat muzik kertuk. Permintaan ini akan menyebabkan keperluan untuk perkongsian ilmu dan pemindahan kemahiran kepada golongan yang berminat untuk menghasilkan alat muzik kertuk. Walaupun ia boleh dihasilkan dengan mudah, tetapi penghasilan secara komersial mungkin membuka peluang dan juga boleh dipasarkan sebagai cenderamata kepada pelancong yang melawat ke negeri Kelantan.

Langkah pelestarian yang seterusnya ialah pengiktirafan di peringkat negeri. Umum telah mengetahui beberapa orang tokoh muzik tempatan Kelantan seperti Adi Guru Hamzah dan Saudara Mohd Kamrul Hussin adalah tokoh muzik tradisional yang boleh bermain kertuk di peringkat nasional dan antarabangsa. Pengiktirafan perlu diberikan untuk tempoh tertentu bagi memastikan seni dan budaya kertuk sentiasa mempunyai pelapis, pengiat dan peminat daripada setiap lapisan umur dan masyarakat.

## KESIMPULAN

Ensembel kertuk sememangnya melambangkan kekayaan warisan budaya yang dimiliki negeri Kelantan. Namun begitu, tradisi permainan kertuk pada hari ini dilihat semakin berkurangan kerana ancaman kemajuan teknologi dan sikap masyarakat sendiri yang tidak berminat untuk memelihara warisan nenek moyang terdahulu. Kesannya, ramai anak muda pada hari ini yang tidak mengenali kertuk

dan instrumen warisan lainnya yang digunakan oleh nenek moyang mereka bagi meneruskan kehidupannya suatu ketika dahulu. Oleh itu, pihak universiti dan kerajaan perlulah lebih proaktif dalam membantu golongan penggiat seni dan masyarakat yang masih lagi aktif dalam usaha untuk memelihara dan melestarikan kewujudan instrumen warisan ini. Usaha juga perlulah dilakukan bagi memperkenalkan alat muzik tradisi ini di mata masyarakat dan seterusnya di dunia. Sekiranya langkah ini dapat dilaksanakan, maka golongan penggiat seni di negeri Kelantan dapat mencari pelapis-pelapis muda untuk meneruskan tradisi permainan alat muzik tradisional dengan pendapatan yang lumayan.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dibawah projek penyelidikan GGPM 2019-001 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

#### RUJUKAN

- Ab Aziz Shuaib & Olalere Folasayo Enoch. 2013. Tha Kelantan's traditional arts as indicators of suatainability: An introduction to its genius loci. *Jurnal Sains Sosial* 2(2): 87-100.
- Ab Aziz Shuaib & Olalere Folasayo. 2011. *The Weeping Cradle Kelantan's Diminishing Arts*. Retrieved from [http://umkeprints.umk.edu.my/584/1/SKMBT\\_50112070923130.pdf](http://umkeprints.umk.edu.my/584/1/SKMBT_50112070923130.pdf).
- Abdul Razak Mahmud. 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebun Bunga)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Aimi Huwaina dan Farhan Abdullah. 2017. Tradisi Kertuk kelapa terus dipertahan. *Malaysia Aktif*, 18 Ogos. <http://malaysiaaktif.my/malaysiaaktif2/?p=36287>
- Lee Elaine. 2007. *Ehnic Musical Instrumen of Malaysia*. Subang Jaya: Win Publication Sdn. Bhd.

- Mohd. Asri Bin Yasud. 2018. Seni persesembahan Kertuk di Kelantan. Kota Bharu. Temu bual 15 Oktober.
- Mohd. Noor Bin Zakaria. 2018. Seni persesembahan Kertuk di Kelantan. Kota Bharu. Temu bual 20 Oktober.
- Nor Azlinda Alimin. 2012. Beduk tradisi tiada pengganti. <http://polopoly.karangkraf.com:8080/preview/www/2.657/2.668/1.104961>
- Nurul Anuar Kari. 2017. Mengapa terikut budaya asing? *Utusan Online*, 21 Ogos. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mengapa-terikut-budaya-asing-1.517148>
- Nik Mustapha Nik Mohd. Salleh. 2009. *Alat Muzik Tradisional Masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Nik Mohamed Bin Nik Mohd Saleh. 2001. *Warisan Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Omar Farouk Bajunid. 1989. *Esei-esei Budaya dan Sejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba Universiti Malaya.
- Patricia Matusky & Tan Sooi Beng. 2004. *The Muzic of Malaysia The Classical, Folk and Syncretic Traditions*. Burlington: Ashgate.
- Patricia Matusky & Tan Sooi Beng. 2012. *Muzik Malaysia Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rosalwani Che Soh. 2019 KRT Padang Lalang suburkan permainan Kertuk. *Sinar Harian*, 1 Februari. <https://www.sinharharian.com.my/article/10805/EDISI/Kelantan/KRT-Padang-Lalang-suburkan-permainan-Kertuk>
- Zawiyah Baba. 2010. Malay traditional woodcarving artefacts in Nik Rashidin's. *International Jurnal of The Malay World and Civilization* 28(2): 109-129.

Nur Hazirah  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor, Malaysia.  
E-mel: nurhazirahothman95@gmail.com

Ros Mahwati Ahmad Zakaria  
Felo Penyelidik  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor, Malaysia.  
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my